

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 27.11.2024 MASA: 02.00PM

**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL  
HAMID**

DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

### SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG  
PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN  
SOSIAL MAJLIS BANDARAYA SEBERANG  
PERAI (PESUKA)  
KALI KE-30 / 2024**

### TARIKH / MASA / TEMPAT

28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)  
2.30 PETANG

DEWAN DATUK HAJI AHMAD BADAWI  
JALAN BAGAN LUAR  
BUTTERWORTH

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Sr Mat Nasir Bin Hassan**

Naib Pengurus

Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai

**LAr Shaqhrony Bin Md Yusof @ Jamaludin**

Setiausaha

Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Haji Shahrulnizad Bin Abd Razak**

Bendahari

Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Encik Mohd Fidaie Bin Mohamad**

**Ketua Sukan**

Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ahli-Ahli Jawatankuasa**

Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ahli-Ahli**

Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdullillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dan keizinan-Nya kita dapat hadir bersama-sama di Majlis ini pada petang yang sungguh berbahagia ini.
2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak PESUKA kerana menjemput dan memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Kebajikan Dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai Kali Ke-30 yang diadakan di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi, Butterworth ini.
3. Di kesempatan ini juga, saya mengalu-alukan kehadiran kesemua ahli-ahli PESUKA yang memberi sokongan dalam Mesyuarat Agung PESUKA ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada urusetia yang telah bertungkus lumus menganjurkan Mesyuarat Agung PESUKA pada hari ini. Saya rasa sukacita di atas sokongan dan sambutan yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan bagi menjayakan mesyuarat agung ini.
4. Antara perkara utama yang selalu ditekankan adalah mengenai aspek penglibatan aktif warga MBSP dalam aktiviti-aktiviti sosial serta sukan serta kebajikan warga MBSP. Penekanan dalam aspek kebajikan, sosial dan sukan ini adalah penting dalam melahirkan warga kerja

yang sentiasa ceria dan aktif sama ada semasa bertugas mahupun di luar pejabat. Saya percaya keceriaan seseorang penjawat awam itu secara tidak langsung akan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan mereka dalam menjalankan tugas sehari-hari.

5. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa PESUKA yang merupakan Persatuan Kebajikan, Sukan dan Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai telah melaksanakan peranan dengan mengadakan pelbagai aktiviti di luar bidang tugas rasmi dalam memupuk kesepadan dan semangat kerja secara berpasukan di kalangan warga kerja MBSP.
6. Malahan melalui PESUKA juga warga MBSP dapat melebarkan jaringan persahabatan dengan angota-angota jabatan dan agensi Kerajaan dan swasta. Jaringan persahabatan yang terbina ini pastinya akan dapat membantu memudahkan warga MBSP semasa berurusan dengan pihak-pihak yang berkenaan.
7. PESUKA yang sebagaimana diketahui adalah badan kebajikan yang menganjurkan aktiviti-aktiviti sukan, kebajikan dan sosial warga MBSP. Aktiviti-aktiviti seperti sukan dan kebajikan amat perlu dalam sesebuah organisasi demi menjaga hubungan silaturrahim, kebajikan dan aktiviti yang boleh mengukuhkan lagi semangat setia kawan dan persaudaraan dalam organisasi. Kita mungkin tidak pernah bertemu

satu sama lain kerana kita tidak berurusan dengan semua orang semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab kita.

8. Dalam hubungan ini, saya menyarankan supaya lebih ramai warga MBSP menjadi ahli PESUKA dan menyertai program-program yang dianjurkan oleh persatuan. Saya juga ingin melihat penglibatan aktif tuan-tuan dan puan-puan tidak dijadikan alasan untuk tidak menjalankan tugas hakiki dengan cemerlang. Ini kerana bagi saya, tanggungjawab ini dijalankan secara sukarela dengan semangat berpasukan yang tinggi. Dengan kata lain, kita akan lebih produktif dan inovatif dalam menjalankan tugas sehari-hari yang secara tidak langsung dapat membantu kita mempercepatkan untuk mencapai dan menjayakan Wawasan Penang 2030 serta Visi dan Misi MBSP.
9. Akhir kata, saya amat berharap agar Ahli-Ahli Jawatankuasa PESUKA dapat membawa transformasi kepada Persatuan dan seterusnya merencanakan banyak lagi aktiviti sukan, kebajikan dan sosial yang berfaedah kepada warga MBSP.
10. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya menyempurnakan perasmian **Mesyuarat Agung Tahunan PESUKA Kali Ke-30 Tahun 2024.**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***